

DOA DAN KASIH SAYANG MENGIKIRI ANAK YANG HANYA MAHU KE SEBERANG

A. GHAFAR IBRAHIM

ABSTRACT

*Compared to Usman Awang, A. Samd Said, W. S. Rendra and many others, Hashim Yaacob is considered as a new comer in the field of literature. But **Aku Hanya Mahu ke Seberang** is an excellent compilation of his poems. Hashim Yaacob no doubt has his own style in poetry writing. The most important thing is his poems are rich with moral values. **Aku Hanya Mahu ke Seberang** wins the National Literary Awards as a collection of poems for young, but we find that most of his poems are poems of thought, so this book is also for the general reader. To make his poems artistic, Hashim Yaacob uses several literary devices such symbols, metaphors inversions and several others.*

PENGENALAN

*E*mutakhir bermaksud didikhibur iaitu mendidik sambil menghibur. Begitulah fenomena mutakhir dalam dunia puisi yang dibawa oleh Prof. Dato' Dr Hashim Yaacob, Naib Canselor Universiti Malaya. Unsur didikhibur ini dipopularkan oleh beliau sewaktu mempersembahkan puisinya. Persembahan puisi doktor gigi ini selalunya diiringi oleh kumpulan pemain wayang kulit Osman Hulubalang dari Kelantan. Inilah identitinya, wajahnya, iltizamnya, kejantanannya, medianya, pencak silatnya, dan gelanggang permainannya. Inilah cara beliau berkomunikasi dengan penonton.

MENGASIHI GENERASI REMAJA

Lantaran kasihnya beliau kepada generasi remaja, benteng harapan bangsa dan nusa, maka diterbitkannya sebuah kumpulan puisi dengan judul *Aku Hanya Mahu ke Seberang*. Judul yang diambil daripada sajak pertama yang terdapat dalam buku ini penuh dengan kiasan dan simbol. Judulnya kelihatan mudah, namun komitmen dan semangat menulis serta menerbitkannya tidak semudah yang difikirkan.

NILAI-NILAI MURNI

Cinta beliau pada negara dan bangsa dimanifestasikan melalui sajak-sajaknya. Melaluinya, beliau menerapkan nilai-nilai murni yang unggul, positif, dan sinergistik. Nilai yang sedemikian tidak

boleh lari daripada perasaan dan emosi. Unsur kognitif dan afektif yang dibawanya jelas kelihatan dalam 77 buah sajak yang mendadai *Aku Hanya Mahu ke Seberang*.

Pendidikan nilai juga memaparkan sifat ketinggian lagi unggul dari aspek pemikiran, keagamaan, kemanusiaan, ekonomi, perdagangan, kesukanan, kebudayaan, dan kesenian. Daripada paparan nilai-nilai murni ini, satu peringatan dapat dibina untuk dijadikan pedoman bagi menghadapi cabaran hidup. “Pedoman”, “Peringatan”, dan “Cabaran Hidup” ini pula merupakan pengajaran yang bernilai bagi memimpin para remaja untuk menghadapi kehidupan pada hari muka.

NILAI DAN PENGAJARAN

Nilai dan pengajaran yang diutarakan dalam buku ini persis pesanan si ayah dan si ibu kepada anak-anak mereka. Dalam konteks ini, kita menemukan pesanan Hashim Yaacob kepada anak bangsa “bahawa di negara ini, kita adalah tuan, bukan hamba. Justeru negara sudah merdeka, lalu kikiskan rasa malas dan gantikannya dengan semangat kepahlawanan Tok Janggut, Mat Kilau, Maharaja Lela dan Bahaman untuk memacu Malaysia ke mercu kejayaan.”

Diksa dari jenis sajak “Oda” (Ode) yang menyanjungi pahlawan-pahlawan silam tanah air seperti Tok Janggut, Mat Kilau, Maharaja Lela, dan Bahaman yang diambalnya bagi menaikkan semangat Malaysia Boleh dan seterusnya keluar daripada kelongsong rasa hina-dina lalu masuk ke kota ketuanan adalah tepat, munasabah, jelas, berkesan, dan diterima akal serta bersesuaian dengan tema dan nada sajak-sajaknya. Anafora “bangkit” yang digunakan dapat menebalkan rasa yakin diri anak-anak Malaysia untuk mempertahankan negara. Ini dapat dilihat dalam sajak “Kitalah Tuan” pada halaman 6. Antara petikannya adalah seperti yang berikut:

bangkit Tok Janggut dengan kegagahan,
 bangkit Mat Kilau dengan kecekalan,
 bangkit Maharaja Lela dengan kehandalan,
 bangkit Bahaman dengan keyakinan,
 bangkit segala wira, bangkit,
 bangkit bangsaku memaknakan pertuanan.

Hashim Yaacob mengakhiri sajak tersebut dengan nada patriotik, tegas, dan berani. Ia turut diperkuat dengan metafora “mata waspada” dan “telinga budi” dalam rima akhir ababbccd.

Pengalaman adalah perisai sejati,
 tegap kita dengan mata waspada,
 santun kita dengan telinga budi,
 kita bangunkan tiang yang lima,
 dalam rangka hidup bersama,
 kita ukir hala tuju,
 dengan agama, budaya dan ilmu.

Kitalah Tuan.

Nilai berani dan yakin pada diri sendiri terpancar dalam sajak “Mara dengan Fikir” (hlm 5). Baris-baris sajak jelas menunjukkan bahawa penyajak tidak gentar dengan kekalahan kerana beliau yakin mata akal iaitu kebijaksanaan fikiran dapat mengalahkan segala halangan. Sajak ini

memberikan mesej kepada remaja supaya mengatasi segala rintangan di hadapan dengan kebijaksanaan akal fikiran, yakin dan berani seperti yang tergambar dalam baris-baris akhir sajak tersebut.

Kuperah fikiran, kudamaikan
otak dengan hati.
Kugenggam kekuatan, ke dalam
kepalan tangan.
Kutumbuk tembok batu, penyekat
kemahuanku.

Yang mara aku
tembok berkecai jadi debu.

Perlambangan atau simbol “tembok batu” menerangkan suatu penghalang, peristiwa, keadaan, atau episod yang berjaya diatasi penyajak.

“Inversi” merupakan gaya bahasa yang digunakan untuk menimbulkan kesan kelainan, keunikan, dan kesegaran pengucapan yang menyimpang daripada hukum tatabahasa. Beliau turut menggunakan *poetic licence* seperti “soldadu yang menyerang musuh bertubi-tubi sehingga musuh jatuh ke bumi. Yang menang ialah keberanian, kecekalan dan keyakinan.” Ini bermaksud bahawa maju dengan akal adalah lebih baik daripada mundur dengan perasaan. Inilah pengajaran yang ingin disampaikan oleh penyajak. Lihat inversi yang digunakan bagi menguatkan keyakinan diri penyajak dalam baris 5, 6, 11, 12, 19, dan 20.

Yang tumbang aku
tembok tetap di situ.

Yang lalu aku
tembok berdiri kaku.

Yang mara aku
tembok berkecai jadi debu.

Episod pertikaman Tuah dan Jebat sudah menjadi klasik. Siapakah yang benar antara keduanya? Tuah yang setia kepada raja atau Jebat yang setia kepada sahabatnya, Tuah? Hashim Yaacob benar-benar menguji kedudukan kita sama ada menyebelahi Tuah atau Jebat. Menyebelahi Tuah atau Jebat harus ada nilai kejujuran. Mengutuk Tuah atau Jebat juga harus ada nilai rasionalnya.

Hashim Yaacob sebenarnya mahu kita bercakap benar dan ikhlas dalam memilih Tuah atau Jebat. Beliau menyuruh kita membuat pertimbangan yang wajar dan terbuka dalam menolak Tuah dan Jebat. Beliau mahu kita menghindari sifat berpura-pura dan bermuka-muka dalam menegakkan peribadi yang kuat lagi dihormati. Seolah-olah penyajak berseru, berterus-teranglah, jangan jadi hipokrit. Demikianlah antara inti pati dalam sajak “Bicara tentang Tuah dan Jebat” dalam halaman 20 dan 21.

Krisis nilai Tuah dan Jebat banyak memberi kita pengajaran yang berguna bahawa hidup mesti diteruskan dan legenda tersebut menjadi contoh dan teladan kepada kita.

Baris 20, 21, 42, dan 43 dalam sajak tersebut cukup merdu rima akhirnya, dan cukup jelas pilihan diksinya untuk Hashim Yaacob menasihati kita agar memilih sikap yang sewajarnya.

Usahlah Tuah kalian kutuk
kalau kalian sepertinya mengikut telunjuk.
Usah berpura menyanjung Jebat
kalau yang kalian ucap, bukan yang terbuat.

Sebagai seorang ahli akademik yang mencintai ilmu, menjadi tanggungjawabnya menyeru anak bangsa sama ada petani, nelayan, tentera, dan sesiapa sahaja agar terus-menerus mengisi ilmu di dada. Nasihat ini disuarakan oleh beliau dalam sajak “Kamilah Penuntut Ilmu” dalam halaman 24. Seterusnya dalam stanza akhir, beliau meyakinkan kita dengan bait-bait seperti yang berikut:

Sebelum dewasa
kami pasti berilmu di dada

Mesej yang sama ditekankan lagi dalam sajak “Ikhtiar Bantal Buruk” pada halaman 25 buku berkenaan. Baris lima terakhir memperlihatkan nasihat seorang kaunselor akademik yang ada dalam diri penyajak, sesuai dengan jawatan yang disandangnya di menara gading. Begini beliau menjelaskan khusus kepada mahasiswa universiti:

Isikan dulu seluruh waktu
menimba ilmu.
Ini usaha
pasti berdaya
memartabatkan bangsa.

Penyajak sengaja memilih diksi “berdaya” bukannya “berjaya”. Diksi tersebut berjaya memberi kekuatan kepada gaya pengucapan dan keberkesanan pengajaran.

Sajak “Kata-kata” (hlm 29) segar dengan rima yang berakhir dengan “a” bagi semua 17 barisnya. Perulangan kata pada awal baris, iaitu anafora, yang terdiri daripada kata-kata “kalau” (tiga patah perkataan), “kita” (tiga patah perkataan), “jangan” dan “ini” (masing-masing dua patah perkataan) dapat menyegarkan amanatnya. Perulangan kata pada akhir baris, iaitu epifora yang terdiri daripada “kata” (lapan patah perkataan) dan “kita” (empat patah perkataan) menunjukkan kekuatan pemilihan diksi yang menjadi ciri khas kepada gaya Hashim Yaacob.

Isi sajak ini jelas menunjukkan pengajaran bahawa kata mesti dikota; kata itu lebih tajam daripada mata pedang, lihat apa yang dikata, lihat siapa yang berkata; kerana santan pulut binasa, kerana mulut badan binasa. Oleh itu, beliau dengan rasa penuh tanggungjawab dan kasih sayang menasihati anak bangsa dalam sajak berkenaan. Ini boleh dilihat pada bait akhirnya seperti yang berikut:

Aduhai anakanda
kalau hidup mahu terbela
pandailah mengucap kata.

Nilai kasih sayang dan kesyukuran kepada kedua-dua ayah dan ibu jelas kelihatan dalam sajak-sajak Hashim Yaacob. Melalui sajak-sajak yang membawa nilai ini, beliau ingin memberikan

ingatan kepada anak-anak supaya jangan menjadi anak derhaka dan seperti kacang lupakan kulit. Kenangan terhadap belaian kasih sayang dan rindu terhadap pelukan mesra ayah dan ibu ini terpancar dalam sajak “Tolong Aku Ayah, Tolong Aku Ibu” (hlm 36). Beliau mengabadikan kelebihan ayahnya dengan berkata melalui baris 5 dan 6 seperti yang berikut:

Tolong aku ayah
 simbahkan air pangaman jiwa.

Di samping itu, Hashim Yaacob tahu bahawa syurga terletak di bawah telapak kaki ibu. Oleh itu, beliau sentiasa mengharapkan restu dan belaian mesra ibunya. Baris 14, 15, dan 16 sajak berkenaan menunjukkan nilai afektifnya.

Aku rindukan teduhan dingin dakapan
 tangan lembutmu, belaian
 kasih hatimu ibu sepanjang jalan.

Malah, beliau percaya bahawa ibunya yang buta huruf mempunyai ketajaman akal serta kecelikan fikiran dalam mentafsir bakat penulisan kreatif beliau. Kata-kata sakti yang diucapkan oleh ibunya, memercikkan minat dan kecenderungan penulisan puisinya. Ini terbukti melalui sajaknya “Ibuku Si Penoreh Getah” (hlm. 39) dalam baris 9, 10, dan 11.

Setajam-tajam
 mata pisau torehnya
 tajam lagi si mata pena.

Kata-kata sedemikian mampu dilafazkan oleh ibu beliau walaupun dirinya buta huruf kerana baris 4 dan 5 menyatakan seperti yang berikut:

Tapi cerah matanya bagai bulan purnama
 terang hatinya bagaikan suria pagi.

Simile “bagai bulan purnama” dan “bagaikan suria pagi” digunakan untuk menggambarkan mata ibunya yang cerah dan hatinya yang terang walaupun buta huruf. Simile ini digunakan dengan wajar pada konteksnya.

Ini menunjukkan anak yang sentiasa mengenang budi dan bersyukur kepada kedua-dua ayah dan ibunya.

Dalam sajak “Maaf” (hlm. 49) Hashim Yaacob menggunakan bahasa biasa yang berkesan melalui rima akhir yang manis. Baris 14 dan 15 diolah bagi mengingati ayahanda yang disayangnya seperti yang berikut:

Aku sering mengingatimu
 dengan kasih yang rindu

Dalam baris 23 dan 24, beliau mengutarakan kasih sayang yang tiada penghujungnya kepada ibunya dengan rima akhir yang syahdu seperti yang berikut:

Aku doakan kau sejahtera
dengan sayang tiada tara

Nilai cekal, gigih, dan tidak menyerah kalah pula terserlah dalam sajak “Luka di Jari Kaki” (hlm. 43). Dengan perlambangan “batu” sebagai penghalang kepada kemajuan, Hashim Yaacob meyakinkan anak bangsanya supaya terus optimis dan jangan menjadikan batu sebagai penghalang. Mesej “Malaysia Boleh” jelas diutarakan dengan menggunakan bahasa yang mudah tetapi berkesan dalam rangkap pertama puisi tersebut.

Kalau luka jari kakimu
tersepek batu, anakku,
kulitmu berlumur
darah menyembur
bangun kau anakku!
Jangan kau gentar pada batu
dengan tanganmu
baling seterumu sejauh mau.

Keinsafan bahawa Allah Maha Berkuasa tidak dilupakan oleh Hashim Yaacob. Beliau sentiasa bersyukur kerana berkesempatan lahir ke dunia dan dapat menikmati keindahan alam ciptaan Yang Maha Esa. Walau setinggi mana pun pangkat manusia, dia tetap rendah pada sisi Allah. Dan sekaya mana pun harta manusia, dia tetap miskin pada sisi Allah. Dan sekuat mana pun manusia, dia tetap lemah pada sisi Allah.

Menyedari rasa kecil diri di hadapan Allah s.w.t., menyebabkan Hashim Yaacob berterima kasih dan menghargai kesempatan yang diberikan Allah s.w.t. untuk melayari hidup di lautan alam yang fana ini.

Rasa syukurnya itu turut terserlah dalam sajak bertajuk “Antara Embun dan Insan” pada halaman 73. Dengan mengatur kata melalui metafora, iaitu bahasa kiasan yang berkesan pada baris 17 dan 18, beliau membandingkannya seperti yang berikut:

Di alam fana ini
insan adalah embun.

Gaya bahasa perbandingan, iaitu simile (baris 10) dan pembalikan kata, iaitu inversi (baris 12) berjaya digandingkan dalam sajak “Aku Umpama Debu” (hlm. 75). Mesejnya sama seperti sajak “Antara Embun dan Insan” yang dibincangkan sebelum ini. Sikap khusyuk dan tawaduk serta rasa rendah diri terhadap Allah s.w.t. tercermin dengan jelas dalam baris 10, 11 dan 12 sajak berkenaan.

Aku ini umpama sebintik debu di udara
Betapa! Aku sering lupa
kecilnya manusia.

Dengan jujur dan ikhlas Hashim Yaacob mengajak kita mencintai Allah s.w.t., alam, manusia, ilmu pengetahuan, kejujuran, dan kebenaran. Dalam hal ini, dia tidak bersikap didaktik atau ingin mengajar. Beliau, sebaliknya mengandaikan dirinya seperti ibu bapa kepada para remaja, khususnya dan para pembaca, umumnya. Ibu bapa yang mengasih anak-anak mereka dan

ingin menjadi manusia yang berguna kepada negara, keluarga, masyarakat dan bangsa bukannya menjadi sampah masyarakat.

Keprihatinannya terhadap para remaja wajar dilakukan sebagaimana beliau mendapat asuhan dan kasih sayang daripada ayah dan ibunya sendiri. Sebagaimana yang kita tahu benih yang baik, apabila jatuh ke laut tetap menjadi pulau. Pulau yang dihajatkannya ialah pulau yang memberikn manfaat kepada manusia.

Judul buku Hashim Yaacob ini, *Aku Hanya Mahu ke Seberang* diangkat daripada sajaknya dengan judul yang sama pada halaman pertama buku tersebut. Sajak ini persis doa penulis untuk anak-anak bangsa—doa agar anak-anak bangsa terutamanya para remaja selamat menyeberangi sungai remajanya dan menuju tebing tanah alam dewasa. Doanya wajar kerana

Perahuku kecil, lautnya ganas (baris 10).

Beliau juga memohon keselamatan dirinya di dunia dan akhirat kepada Yang Maha Berkuasa. Dengan harapan yang tinggi, beliau menutup sajaknya dengan bahasa berlapis konotasi dan terus memohon kepada Allah s.w.t. agar doanya untuk membawa anak bangsanya ke seberang dimakbulkan. Baris 17 dan 18 memaparkan doanya seperti yang berikut:

Tuhan

Aku hanya mahu ke seberang

PENDATANG BARU

Penerbitan kumpulan sajak yang khusus untuk para remaja ini suatu komitmen penuh prihatin yang wajar dihormati. Syabas diucapkan. Sebenarnya 77 buah sajak yang dituangkan ke dalam buku ini cukup dewasa anatominya. Hanya umur kepenyairan beliau sahaja yang “remaja” kerana beliau boleh dikatakan sebagai pendatang baru dalam dunia puisi Nusantara jika dibandingkan dengan Sasterawan Negara Usman Awang, A. Samad Said, Mahsuri S. N., W. S. Rendra, dan Taufiq Ismail.

PENYAIR YANG PROLIFIK

Mengikuti perkembangan dunia sajaknya, kita amat yakin bahawa kanvas puisi Nusantara akan terus dicat oleh beliau dengan jukstaposisi warna yang mengasyikkan. Dan ini terbukti dalam penulisan sajaknya yang prolifk dan juga persembahan dan pementasan sajak-sajaknya yang berfesyen atau beridentitikan Hashim Yaacob. Dalam berkarya, beliau jelas mempunyai keyakinan yang seiring dengan dunia intelektual dan akademiknya.

ILMU, IMAGINASI DAN INSPIRASI

Einstein pernah berkata bahawa “imajinasi adalah lebih penting daripada ilmu”. Namun, Hashim Yaacob seolah-olah mahu menafikan kata-kata ahli sains tersebut. Ini kerana sajaknya-sajaknya mengandungi fakta, geografi, ekonomi, dan sejarah. Beliau, di samping menulis berpandukan ilmu pengetahuan, juga menangkap imajinasi yang mencetuskan idea-idea kreatif kepadanya.

Namun, “ilmu” dan “imajinasi” sahaja belum memadai. Penyair juga mesti rajin dan berusaha bersungguh-sungguh dalam melahirkan karyanya. Ini disetujui oleh Tchaikowski yang berkata bahawa “inspirasi merupakan tetamu yang tidak suka mengunjungi orang malas.”

Melihat kepada “ilmu” dan “imaginasi” Hashim Yaacob dalam *Aku Hanya Mabuk ke Seberang* bersekali dengan aktiviti sosiobudaya, kita yakin bahawa “inspirasi” sering mengunjungnya. Ini bererti beliau merupakan seorang yang rajin. Oleh sebab itu, beliau mengingatkan para remaja bahawa rajin dan usaha merupakan tangga kejayaan.

PENUTUP

Jelaslah bahawa “resipi” seorang sasterawan yang berjaya ialah seseorang itu mestilah berilmu, berimaginasi, dan berinspirasi. “Ilmu”, “imaginasi”, dan “inspirasi” ini hendaklah diadun secara asli dan kreatif bagi melahirkan karya cantik yang berakal, jitu, bernas lagi benar.

RUJUKAN

Hashim Yaacob. 2003. *Aku Hanya Mabuk ke Seberang*. Kuala Lumpur: Pekan Ilmu Publications Sdn Bhd.